

05/09/1997

Tiga projek mega ditangguh

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jadual kerja beberapa projek mega akan disusun dan mungkin ditangguhkan bagi tempoh tertentu sehingga nilai ringgit pulih.

Beliau berkata, projek hidroelektrik Bakun bernilai RM13.6 bilion akan ditangguhkan manakala beberapa projek lain yang mungkin terbabit ialah Kuala Lumpur LinearCity di ibu negara dan Lapangan Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) di Kuala Muda, Kedah. Kedua-dua projek itu masing-masing dijangka menelan belanja sehingga RM10 bilion.

Bagaimanapun, katanya, projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang akan diteruskan seperti biasa.

Menurutnya, kemerosotan nilai mata wang itu menyebabkan semua pembelian barang import bagi projek pembinaan menjadi lebih mahal dalam nilai ringgit.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kedudukan projek Bakun selepas pemajunya, Ekran Berhad membatalkan kontrak dengan Asea Brown Boveri (ABB), hari ini.

Beliau menyatakan perkara itu dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, malam ini.

Katanya, projek Bakun tetap akan diteruskan walaupun kemungkinan kosnya selepas itu meningkat 20 peratus lagi atau lebih bergantung kepada penggunaan barang import dalam projek itu.

"Bakun tidak boleh dibatalkan. Kita sudah pun membelanjakan lebih RM100 juta untuk membina terowong, bagaimana pula kita nak batalkan. Tetapi mungkin kita melewatkannya kerana beberapa sebab.

"Antaranya ialah kerana ringgit kita sudah merosot dan kos dalam ringgit meningkat. Ini juga memberi kesan kepada projek lain. Semua pembelian barang import akan lebih mahal dalam nilai ringgit.

"Disebabkan oleh itu, kita terpaksa menyusun semula jadual kerja dan kebanyakan apa yang disebut sebagai projek mega mungkin akan ditangguhkan," katanya.

Dr Mahathir secara sinis mengucapkan tahniah kepada pihak yang selama ini cuba menggagalkan projek Bakun itu yang sepatutnya siap pada tahun 2003.

"Saya ucapkan tahniah kepada mereka kerana berjaya mencapai matlamat dengan menjadikan kita 20 peratus lebih miskin. Mereka sudah pun melakukan kerja dengan baik. Apabila kita miskin, kita tidak mampu," katanya sambil memberitahu kerajaan belum memutuskan syarikat lain yang bakal membantu Ekran selepas ini.

Menurutnya, usaha akan terus dilakukan bagi mengurangkan tekanan ke atas ringgit dengan mengurangkan import terutama barangan mewah dan jentera.

(END)